



(PPU 011 B)

JABATAN PENERBANGAN AWAM

PROSEDUR UNTUK MEMOHON PERMIT – (ASP)

1. PERMIT PERKHIDMATAN UDARA –

Iaitu penerbangan secara tidak berjadual – untuk tujuan pengangkutan penumpang, mel atau kargo melalui udara untuk sewa dan upah.

(Rujuk Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam, 1996, dibawah Peraturan 18)

2. MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMOHON PERMIT PERKHIDMATAN UDARA

Semua permohonan untuk permit di atas hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Khas Jabatan (PPU 011). Maklumat-maklumat yang diperlukan adalah seperti dibawah ini:

- a) Nama pemohon
 - (i) Nama/No. kad pengenalan/jawatan
 - (ii) Nama Syarikat
 - (iii) No. pendaftaran syarikat
- b) Alamat pemohon/No. telefon/Fax dsb.
- c) Carta Struktur Organisasi
 - (i) Senarai Ahli Lembaga Pengarah
 - (ii) Senarai nama pegawai-pegawai syarikat diperingkat pengurusan mengikut bahagian utama serta latarbelakang/pengalaman/kelulusan masing-masing.
- d) Struktur Kewangan
 - (i) Pemegang ekuiti/saham syarikat dan peratusan Bumiputra dan Bukan Bumiputra.
(Sila lampirkan Borang 24 dan 49 dari Pejabat Pendaftar Syarikat)

- (ii) Bukti sumber kewangan syarikat untuk membiayai syarikat dan operasi.
 - (iii) Anggaran penyata akaun untung dan rugi syarikat untuk tiga (3) tahun mula beroperasi.
 - (iv) Anggaran kasar perbelanjaan dan pendapatan termasuk butir-butir mengenai perbelanjaan minyak, gaji pekerja, pembaikan pesawat, caj lapangan terbang, insuran pesawat dan sebagainya.
 - (v) Butir-butir terperinci mengenai kos yang terlibat untuk tempoh mulai dari syarikat mula menghantar permohonan sehingga syarikat memulakan operasi dan penjelasan bagaimana syarikat membiayai mana-mana kos yang terlibat.
 - (vi) Anggaran aliran tunai syarikat untuk tempoh dua (2) tahun pertama beroperasi.
 - (vii) Maklumat untuk membiayai pesawat samada membeli atau menyewa termasuk syarat-syarat menyewa pesawat.
- e) Perkhidmatan yang dicadangkan
- Penumpang/kargo/kerja-kerja udara atau sebagainya (samada secara tidak berjadual atau campuran)
 - Laluan/destinasi yang dicadangkan
 - Kajian trafik yang dilakukan
 - Dokumen lain yang boleh menyokong permohonan
- f) Pesawat yang dicadangkan
- Jenis & bilangan pesawat
 - Bilangan penumpang
 - Tahun dibina/buatan
- g) Butir-butir insuran pesawat & penumpang termasuk pihak ketiga (*Third Party*)
- h) Urusan penyenggaraan pesawat
- Tempat & Hangar
 - Pengkalan operasi yang dicadangkan
- i) Faedah kepada negara dengan adanya perkhidmatan ini (samada pelancongan, perniagaan & perdagangan)